

# PENUBUHAN FAKULTI PERHUTANAN TROPIKA

Oleh: Dr. Kamlisa Uni Kamlun



Ucapan alu-aluan dan tahniah daripada Dekan FSSA




Ucapan balas daripada Dekan FPT



Simbolik penyerahan tugas oleh Dekan FSSA kepada Dekan FPT

Fakulti Perhutanan Tropika (FPT) ditubuhkan sebagai satu entiti akademik di Universiti Malaysia Sabah pada 26 Mac 2021. Tahniah kepada Prof. Madya Dr. Normah Awang Besar @ Raffie di atas pelantikan sebagai Dekan FPT berkuatkuasa pada 5 April 2021, Prof. Dr. Phua Mui How sebagai Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi dan Dr. Kamlisa Uni Kamlun sebagai Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar yang berkuatkuasa pada 15 April 2021. 'Majlis Penyerahan Tugas' oleh Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), Prof. Dr. Baba Musta kepada Dekan FPT telah diadakan pada 9 April 2021 bertempat di *The Klagan Regency*.



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI**  
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Department Of Higher Education  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Ministry of Higher Education Malaysia  
Area 9, No.2, Menara 2,  
Jalan PIS, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** | **JABATAN PENDIDIKAN TINGGI**

Tel: 603-88706439  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.meho.gov.my>

No Rujukan: JPT.S(G)2000/016/06/015 Jld.15 ( 5 )  
Tarikh : 29 Mac 2021

**YBrs. Prof. Dr. Rasid Mail**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Malaysia Sabah  
Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu  
SABAH

YBrs. Prof.

**PERMOHONAN KELULUSAN PENUBUHAN ENTITI AKADEMIK FAKULTI PERHUTANAN TROPIKA, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat UMS rujukan UMS/PLPLA1.2.1/600-2/1/1 (37) bertarikh 3 Februari 2021 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBrs. Prof., berdasarkan Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], kuasa untuk meluluskan sebarang penubuhan/ penstrukturan/ penjenamaan atau penukaran taraf fakulti, sekolah, pusat, akademi dan institut dan jabatan, unit atau badan di bawah fakulti, sekolah, pusat akademi dan institut itu telah diperuntukkan kepada Senat setiap universiti. Semakan mendapati cadangan permohonan kelulusan penubuhan entiti akademik Fakulti Perhutanan Tropika di UMS ini adalah teratur dan telah diperaku dalam Mesyuarat Senat Kali ke-178 pada 25 Jun 2020 dan mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali ke-9 Bil. 9/2020 pada 28 Disember 2020.


3. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tiada halangan dan bersetuju dengan cadangan pihak YBrs. Prof. untuk memohon kelulusan bagi Permohonan Kelulusan Penubuhan Entiti Akademik Fakulti Perhutanan Tropika, Universiti Malaysia Sabah.

4. Pihak YBrs. Prof. dimohon mengambil maklum bahawa permohonan kelulusan ini akan mengguna pakai sumber dalaman sedia ada mengikut pemakaian Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling Perkhidmatan Awam semasa tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan, fizikal dan perjawatan kepada Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(PROF. DATO' DR. HUSAINI B. OMAR)

Surat Kelulusan Penubuhan FPT